


LAPORAN TAHUNAN 2017

PERUSAHAAN
PUBLIKASI
KEMAHIRAN



LAPORAN TAHUNAN 2017
PLANMalaysia@Selangor
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor)

SIDANG REDAKSI

Penaung

TPr. Haji Muhammad Ridzuan bin Arshad

Penasihat

En. Khairulzaman bin Ibrahim

Ketua Editor

Dr. Hjh. Noraziah binti Abdul Aziz

Sidang Editor

Pn. Jasmin binti Farjan Ali

Pn. Hjh. Noorsiah binti Arshad

Pn. Maizan binti Mazlan

Pn. Suzanah binti Abu Bakar @ Ithnin

LAPORAN TAHUNAN 2017

DITERBITKAN OLEH:

BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

PLANMalaysia@SelangorSelangor

Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan

No.3 Jalan Indah, Seksyen 4,

40646 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan

Tel: +603 - 5511 6666

Fax: +603 - 5511 3557

www.jpbdselangor.gov.my

KANDUNGAN

01 PERUTUSAN PENGARAH

02 STRATEGI KORPORAT

VISI, MISI, MOTO DAN OBJEKTIF JABATAN
PIAGAM PELANGGAN
PELAN STRATEGIK JPBD 2012-2020
BUDAYA KERJA JPBD
BUDAYA KERJA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

03 STRUKTUR ORGANISASI

04 PRESTASI KEWANGAN

05 SUMBER MANUSIA

06 PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

07 PENCAPAIAN JABATAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
PERANCANGAN KORPORAT
RANCANGAN PEMBANGUNAN
PENGAWALAN PERANCANGAN
LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR

08 PENGURUSAN LATIHAN

PENGURUSAN LATIHAN, KURSUS DAN TAKLIMAT
LAWATAN KE LUAR NEGARA
KUNJUNGAN PELAWAT LUAR
HARI TERBUKA SEMAKAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN

09 PENGANUGERAHAN

10 PENGHARGAAN JABATAN

11 SELAYANG PANDANG 2017

12 LENSA 2017

01 / PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,
Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan PlanMalaysia@Selangor 2017 telah berjaya diterbitkan. Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi dan semua warga PlanMalaysia@Selangor di dalam melaksanakan semua perancangan yang telah dirangka pada awal tahun 2017. Sebagai peneraju dalam aspek perancangan bandar dan desa yang bertanggungjawab merancang persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan, PlanMalaysia@Selangor terus komited serta beriltizam untuk memacu perancangan dan pembangunan fizikal di Negeri Selangor melalui pelaksanaan dan pemantauan perancangan secara komprehensif, sistematik dan inovatif.

Penerbitan Laporan Tahunan Jabatan merupakan satu usaha yang sangat penting kerana ia memuatkan semua aktiviti dan maklumat serta pencapaiannya dalam tahun dilaporkan. Laporan ini akan menjadikan sumber dokumentasi dan rujukan yang sangat berharga bagi PlanMalaysia@Selangor.

Mengimbau kembali tahun 2017 ini, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilakukan oleh pihak jabatan untuk meningkat dan memperkasakan fungsi dan peranan jabatan sebagai peneraju utama dalam memberikan khidmat nasihat teknikal dan profesional berkenaan dengan pemeliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah seluruh negeri Kelantan. Begitu juga beberapa kertas dasar telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN). Dalam memenuhi aspirasi Kerajaan Negeri Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan, Jabatan sentiasa memastikan Piagam Pelanggan diutamakan.

Akhir kata, saya mengucapkan ucapan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga Jabatan yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi mencapai kecemerlangan sehingga ke peringkat ini. Saya juga menyeru kepada semua warga PlanMalaysia@Selangor agar berusaha bersungguh-sungguh untuk terus mempertingkatkan produktiviti Jabatan bagi mencapai kesemua program Jabatan seperti yang telah dirangkakan pada awal tahun. Diharapkan usaha-usaha murni ini dapat diteruskan untuk kejayaan di masa akan datang.



Ke Arah Persekitaran Mampan

**(TPr. HJ. MUHAMAD RIDZUAN BIN.
ARSHAD)**

Pengarah,
PLANMalaysia@Selangor
Negeri Selangor.

02 | STRATEGI KORPORAT

VISI, MISI, MOTO DAN DASAR KUALITI JABATAN

Visi	Objektif Jabatan
Menjadi Peneraju Perancangan Bandar Dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera Dan Mampan Menjelang 2035	i. Untuk mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan penduduk selaras dengan matlamat negeri dan negara;
Misi Memacu Perancangan Fizikal Negara Melalui Pelaksanaan Dan Pemantauan Perancangan Pembangunan Yang Komprehensif, Sistematis Dan Inovatif Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat	ii. Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan akta-akta berkaitan;
Dasar Kualiti Jabatan Menjadikan JPBD Negeri Selangor sebagai pusat bagi perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.	iii. Untuk melaksanakan dan memastikan pemakaian berkesan kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan oleh semua agensi di semua peringkat perancangan; dan iv. Untuk menjadi penasihat utama dalam perancangan bandar dan desa kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensi yang berkenaan.

PIAGAM PELANGGAN

Matlamat

Pewujudan Persekitaran Yang Berkualiti Dan Sejahtera Di Negeri-Negeri Melalui Perkhidmatan Perancangan Bandar Dan Desa Yang Berkualiti, Sejahtera Dan Mampan Menjelang 2020

Piagam Pelanggan 1

Mengurusetiaikan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri tiga (3) kali setahun

Piagam Pelanggan 2

Memberi ulasan perancangan tidak melebihi empat belas (14) hari

Piagam Pelanggan 3

Memastikan Rancangan Struktur Negeri (RSN) dikaji semula dalam tempoh lima (5) tahun selepas pewartaan

Piagam Pelanggan 4

Menyelaras penyediaan RT dan RKK serta memantau perlaksanaannya berdasarkan Program Rancangan Malaysia lima (5) Tahun

Piagam Pelanggan 5

Mengadakan mesyuarat dengan ketua unit pusat setempat dua (2) kali setahun

Piagam Pelanggan 6

Menyampaikan keputusan bertulis lembaga rayuan kepada perayu dan responden dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh keputusan diterima daripada pengerusi lembaga rayuan

Piagam Pelanggan 7

Membekal maklumat perancangan (kategori tidak berperingkat) dalam tempoh lima (5) hari

Piagam Pelanggan 8

Memberi layanan kaunter dengan berbudi bahasa dalam tempoh lima (5) minit

PELAN STRATEGIK JPBD 2012-2020

Pelan Strategik JPBD 2012-2020 yang sebelum ini dikenali sebagai Rancangan Strategik JPBD 920 (RSJ 920) merupakan satu hala tuju baru ke arah **mempertingkatkan dan memperkasakan perkhidmatan** sebagai peneraju perancangan bandar dan desa yang **terunggul, relevan dan signifikan** dalam pembangunan negara.

6 Teras Strategik dan 6 Bidang Keberhasilan Utama (KRA) telah digariskan iaitu:

TERAS STRATEGIK 1 : Mempertingkatkan keberkesanan perancangan dan pengurusan pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti

KRA 1 : *Pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti*

TERAS STRATEGIK 2 : Memantapkan penyelidikan dan pembangunan bagi mempromosi amalan perancangan terbaik ke arah produk bertaraf dunia

KRA 2 : *Penyelidikan dan pembangunan ke arah produk bertaraf dunia*

TERAS STRATEGIK 3 : Meningkatkan pematuhan kepada perancangan pembangunan untuk memastikan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan

KRA 3 : *Pematuhan kepada perancangan pembangunan*

TERAS STRATEGIK 4 : Memperkasakan pengurusan maklumat guna tanah negara ke arah perancangan guna tanah yang berkesan dan sistematik

KRA 4 : *Memperkasakan maklumat guna tanah negara*

TERAS STRATEGIK 5 : Mempertingkatkan kerjasama strategik bagi memperkasakan peranan dan fungsi JPBD Semenanjung Malaysia

KRA 5 : *Kerjasama strategik*

TERAS STRATEGIK 6 : Memantapkan pembangunan kapasiti organisasi ke arah melonjakkan kecekapan dan keberkesanan JPBD Semenanjung Malaysia

KRA 6 : *Pembangunan kapasiti organisasi*

Bagi tujuan perlaksanaan, Pelan strategik ini disokong dengan pelan tindakan yang menjelaskan strategi, program, petunjuk prestasi, sasaran dan pihak pelaksana.

BUDAYA KERJA JPBD

KETAQWAAN 1
Taat perintah Allah dan bekerja sebagai satu amalan ibadah

KOMITMEN 2
Menjalankan tugas-tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif dan wawasan Jabatan

KEINDAHAN 3
Cinta kepada keindahan rohani dan fizikal dalam amalan perancangan

KONSISTENSI 4
Melaksanakan tugas-tugas secara konsistensi bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti Jabatan

KESOPANAN 5
Mengamalkan sifat hormat-menghormati, toleransi dan muafakat bagi mewujudkan organisasi yang mesra di kalangan kakitangan dan pelanggan

KEMESRAAN 6
Mewujudkan suasana kemesraan dan kekeluargaan di kalangan semua lapisan pegawai

KEBOLEHPERCAYAAN 7
Amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan

KECEMERLANGAN 8
Sentiasa berusaha untuk menjadikan Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa

KREATIVITI & INOVASI 9
Melahirkan idea-idea dan berinovasi

KESEGERAAN 10
Sentiasa peka, responsif dan cepat dalam mencari penyelesaian

AMALAN 10 K

03 | CARTA ORGANISASI

04 | PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN

Jabatan menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Jabatan di bawah Peruntukan Vot Mengurus dan Peruntukan Vot Pembangunan

Bagi **Tahun 2017**, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 13,919,196.00 kepada Jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 9,821.696.00 diperuntukkan di bawah Vot Mengurus, manakala selebihnya sebanyak RM 4,097,500.00 di bawah Vot Pemangunan. Bagi Tahun 2017, jabatan telah membelanjakan sebanyak RM 9,166,563.87 (93.3%) bagi Vot mengurus dan RM 4,084,758.03 (99.7%) bagi Vot pembangunan.

OBJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
Perbelanjaan Vot Mengurus (B16)	9,821.696.00	9,166,563.87	93.3
Perbelanjaan Vot Pembangunan (P16)	4,097,500.00	4,084,758.03	99.7

05 | SUMBER MANUSIA

Perjawatan

Pada tahun 2017, jumlah perjawatan bagi semua lapisan pegawai di **PLAN**Malaysia@Selangor adalah seramai 107 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 103 jawatan telah diisi manakala 4 jawatan masih kosong. Jabatan juga turut di bantu oleh 11 orang pegawai lantikan kontrak.

STATUS PERJAWATAN DI PLANMALAYSIA@SELANGOR SEHINGGA DISEMBER 2017

Bil.	Skim Perkhidmatan	Gred	Waran		
			Bil. Jawatan Yg Diluluskan	Pengisian	Kekosongan
PENGURUSAN TERTINGGI					
1.	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	VU7	1	1	0
Jumlah			1	1	0
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL					
1.	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J52	1	1	0
2.	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J48	2	2	0
3.	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J44	2	2	0
4.	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J41/J44	7	7	0
5.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41/M44	1	1	0
Jumlah			13	13	0
SOKONGAN					
1.	Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa	JA38	2	1	1
2.	Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa	JA36	5	4	1
3.	Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa (TBK 13 Tahun)	JA29/JA36	40	40	0
4.	Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa (TBK 13 Tahun) KUP	JA29/JA36	11	11	0
5.	Pen. Pegawai Sistem Maklumat (TBK 13 Tahun)	F29/F32	1	1	0
6.	Pem. Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat	N28/N32	1	1	0
7.	Pen. Pegawai Tadbir	N29/N32	1	1	0
8.	Penolong Akauntan	W29/W32	1	1	0
9.	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera	JA29/JA30/JA36	1	1	0
10.	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera (KUP)	JA29/JA30/JA36	1	1	0
11.	Pelukis Pelan (Seni Bina)	JA19/JA22	7	7	0
12.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1	1	0
13.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	0	1
14.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	9	8	1
15.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19/W22	1	1	0
16.	Pembantu Tadbir (P/O) Khas Untuk Penyanggah Gred N17/N22 (KUP 15 Tahun) Jawatan Hakiki Pembantu Tadbir Rendah N11/N14	N19/N22	2	2	0
17.	Penghantar Notis	N11/N14	1	1	0
18.	Pembantu Operasi	N11/N14	4	4	0
19.	Pemandu Kenderaan	H11/H14	3	3	0
Jumlah			93	89	4
JUMLAH KESELURUHAN			107	103	4

PERLANTIKAN PEGAWAI BARU

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	TARIKH LANTIKAN
1.	Muhammad Sobri bin Azani	Pen. Peg Perancang Bandar dan Desa (JA29)	2 Oktober 2017
2.	Mohamad Zulfikafitri bin Othman	Pen. Peg Perancang Bandar dan Desa (JA29)	2 Oktober 2017
3.	Irsyad Kamil bin Mohd Fahmi Teng	Pen. Peg Perancang Bandar dan Desa (JA29)	2 Oktober 2017
4.	Muhammad Tajuddin bin Roslani	Pen. Peg Perancang Bandar dan Desa (JA29)	2 Oktober 2017
5.	Anith Fariha binti Ramli	Pen. Peg Perancang Bandar dan Desa (JA29)	2 Oktober 2017
6.	Nur Syahirah binti Abu Samah	Pelukis Pelan JA19	2 Oktober 2017
7.	Nurul Fadira binti Mohd Nasir	Pelukis Pelan JA19	2 Oktober 2017
8.	Nur Marina binti Mohamed	Pembantu Tadbir	3 Julai 2017

PERTUKARAN MASUK PEGAWAI

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	PERTUKARAN DARI	TARIKH MASUK KE JPBD PLANMalaysia@Selangor
1.	Khairulzaman bin Ibrahim	Peg. Perancang Bandar dan Desa (J52)	Pejabat Projek Zon Selatan	27 November 2017
2.	Ros Ayu binti Ali Hassan	Peg. Perancang Bandar dan Desa (J44)	Bahagian Rancangan Fizikal Negara	11 September 2017
3.	Siti Marini binti Mokhtar	Peg. Perancang Bandar dan Desa (J41)	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan	25 September 2017
4.	Jasmin binti Farjan Ali	Peg. Perancang Bandar dan Desa (J41)	Majlis Perbandaran Port Dickson	25 September 2017
5.	Jaafar bin Ismail	Pen. Pegawai Tadbir N29	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS)	3 April 2017
6.	Nurhuda binti Md Yusof	Pembantu Tadbir (P/O) N19	Pejabat Tanah Galian, Selangor	3 Julai 2017
7.	Mohd Musyarif bin Januri	Pembantu Operasi N11	Pejabat Tanah Galian, Selangor	20 November 2017
8.	Norain binti Ilias	Pembantu Operasi N11	Pejabat Tanah Galian, Selangor	20 November 2017

PERTUKARAN KELUAR PEGAWAI

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	TEMPAT PERTUKARAN	TARIKH PERTUKARAN
1.	TPr. Tn. Hj. Hassan bin Yaakob	Peg. Perancang Bandar dan Desa (J52)	Bahagian Korporat, PLAN Malaysia	27 November 2017
2.	Norazira binti Abd. Aziz	Peg. Perancang Bandar dan Desa (J41)	Majlis Perbandaran Alor Gajah	11 September 2017
3.	Mazlan bin Mohd	Peg. Perancang Bandar dan Desa (J41)	Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan	11 September 2017
4.	Mohd. Diah bin Amin	Pembantu Tadbir (P/O) N19	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor	3 Julai 2017
5.	Nurul Huda binti Mohamad	Pembantu Tadbir (P/O) N19	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	3 Julai 2017

PERSARAAN PEGAWAI

* tiada pegawai yang bersara pada Tahun 2017

PERLANTIKAN PEGAWAI KONTRAK

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	TARIKH LANTIKAN
1.	Rosmila binti Adnan	Peg. Pembangunan Mampan Gred J41	2 Mac 2017 - 1 Mac 2019
2.	Edie Suradi bin Abd. Wahid	Peg. Perancang Bandar dan Desa Gred J41	16 Mac 2016 – 15 Mac 2018
3.	Muhammad Faeruz bin Rusman	Peg. Perancang Bandar dan Desa Gred J41	13 November 2017 – 12 November 2018
4.	Nur Haida binti Hassan	Peg. Perancang Bandar dan Desa Gred J41	22 November 2017 – 21 November 2018
5.	Muhammad Hariz Sufian bin Abd. Razak	Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa Gred JA29	16 Mac 2016 – 15 Mac 2018
6.	Muhammad Azwan bin Jefry	Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa Gred JA29	1 November 2017 – 31 Oktober 2018
7.	Norseha binti Mohd Mahbot	Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa Gred JA29	1 November 2017 – 31 Oktober 2018
8.	Raja Linda binti Raja Isa	Pen. Pegawai Tadbir Aset Gred N27	20 Februari 2017 – 19 Februari 2019
9.	Nur Sabrina binti Mohamad Rostam	Peg. Khidmat Pelanggan Gred N19	5 Mei 2017 – 4 Mei 2019
10.	Farizul Amri bin Zainal Abidin	Pemandu Kenderaan Gred H11	3 Januari 2017 – 5 Jun 2018
11.	Jasni bin Talib	Pemandu Kenderaan Gred H11	6 Jun 2017 – 5 Jun 2018

06 | PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Secara keseluruhannya, pada tahun 2017, PLANMalaysia@Selangor telah melaksanakan kesemua piagam pelanggan dan telah mencapai 100% kesemua piagam pelanggan yang telah ditetapkan.

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PLANMALAYSIA@SELANGOR DARI JANUARI SEHINGGA DISEMBER 2017

Piagam Pelanggan	Pencapaian (Peratus)
Piagam Pelanggan 1 Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri tiga (3) kali setahun <i>(telah mencapai 5 kali mesyuarat)</i>	167%
Piagam Pelanggan 2 Memberi ulasan perancangan tidak melebihi empat belas (14) hari	100%
Piagam Pelanggan 3 Memastikan Rancangan Struktur Negeri (RSN) dikaji semula dalam tempoh lima (5) tahun selepas pewartaan <i>(telah diwartakan pada 2 Februari 2017)</i>	100%
Piagam Pelanggan 4 Menyelaras penyediaan RT dan RKK serta memantau perlaksanaannya berdasarkan Program Rancangan Malaysia lima (5) Tahun	100%
Piagam Pelanggan 5 Mengadakan mesyuarat dengan ketua unit pusat setempat dua (2) kali setahun	100%
Piagam Pelanggan 6 Menyampaikan keputusan bertulis lembaga rayuan kepada perayu dan responden dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh keputusan diterima daripada pengerusi lembaga rayuan	100%
Piagam Pelanggan 7 Membekal maklumat perancangan (kategori tidak berperingkat) dalam tempoh lima (5) hari	100%
Piagam Pelanggan 8 Memberi layanan kaunter dengan berbudi bahasa dalam tempoh lima (5) minit	100%

07 | PENCAPAIAN JABATAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

FUNGSI BAHAGIAN

- i. Memastikan anggota perkhidmatan awam yang disahkan dalam perkhidmatan, jawatan, diberi taraf berpencen dan opsyen KWSP;
- ii. Menggariskan tindakan yang perlu dipatuhi bagi memastikan penghantaran dan penerimaan surat mengikut sistem yang teratur;
- iii. Memastikan bil-bil yang diterima adalah dalam proses urusniaga yang diluluskan dan pembayaran dibuat dalam tempoh yang dikehendaki; dan
- iv. Menyelaras, pembiayaan perbelanjaan kecil yang bernilai RM100.00 ke bawah.
- v. Memastikan urusan pembayaran ke atas pembekalan / perkhidmatan mengikut bajet yang diluluskan dengan mematuhi peraturan perbendaharaan.

PENCAPAIAN BAHAGIAN

Perhimpunan Bulanan Jabatan

Perhimpunan Bulanan Jabatan dilaksanakan secara penggiliran dimana setiap bahagian di PLANMalaysia@Selangor akan menjadi urusetia perhimpunan ia bertujuan untuk mewujudkan sikap bertanggungjawab terhadap jabatan, mencungkil bakat-bakat baru dikalangan warga Jabatan dan memupuk sikap persaingan sihat antara bahagian dan kakitangan jabatan. Pada Tahun 2017, Jabatan telah mengadakan Perhimpunan Bulanan sebanyak **6 kali**.

BULAN	TARIKH
Januari, Februari, Mac	25 Januari 2017
April	26 April 2017
Mei dan Jun	26 Mei 2017
Julai dan Ogos	21 Julai 2017
September, Oktober dan November	27 September 2017
Disember	8 Disember 2017



Gambar sewaktu majlis perhimpunan bulanan sedang berlangsung.

Hari Terbuka Semakan Buku Rekod Perkhidmatan

Program Hari Terbuka Semakan Buku Rekod Perkhidmatan telah diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada semua lapisan pegawai membuat semakan buku rekod perkhidmatan masing-masing. Hari Terbuka Buku Rekod Perkhidmatan diadakan mengikut Bahagian bagi **memudah dan mempercepatkan proses penyemakan dan pengemaskinian.**

Hari Terbuka Semakan Buku Rekod Perkhidmatan Bil. 1/2017 : 27 dan 28 Disember 2017

PERANCANGAN KORPORAT

FUNGSI BAHAGIAN

- i. Memastikan pengurusan mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri dijalankan mengikut peruntukan Akta 172 sekurang-kurangnya 6 kali setahun;
- ii. Memastikan pengurusan mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Antara Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan di Selangor sekurang-kurangnya 6 kali setahun; dan
- iii. Meningkatkan ilmu dan kemahiran kakitangan jabatan melalui kursus, seminar dan bengkel supaya setiap kakitangan dapat diberi latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun

PENCAPAIAN BAHAGIAN

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Bagi melaksanakan Seksyen 4(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) Ahli-Ahli Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor yang dilantik adalah seperti berikut :

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR TAHUN 2017

BIL	PORTFOLIO / JABATAN	NAMA
1.	Dato' Menteri Besar Selangor	Y.A.B Dato' Seri Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi)
2.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar)	Y.B Dato' Ir. Iskandar bin Abdul Samad (Timbalan Pengerusi)
3.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Y.B Dato' Hj. Mohd Amin Bin Ahmad Ahya
4.	Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor	Y.B Dato' Hj. Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman
5.	Pegawai Kewangan Negeri Selangor	Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman

BIL	PORTFOLIO / JABATAN	NAMA
6.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, Industri Kecil & Sederhana (IKS) dan Pengangkutan)	Y.B Dato' Teng Chang Khim
7.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi)	Y.B Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
8.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna)	Y.B Pn. Elizabeth Wong Keat Ping
9.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Awam, Permodenan Pertanian & Industri Asas Tani)	Y.B Tuan Zaidy bin Abdul Talib
10.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan, Pemutihan Kilang Haram & Pembangunan Kampung Baru)	Y.B Tuan Ean Yong Hian Wah
11.	Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (Timbalan SUK Pembangunan)	YBhg. Dato' Nor Azmie B. Diron
12.	Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	Tn. Ahmad Suaidi B. Abd. Rahim
13.	Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	YBhg. Datuk Ir. Ruslan b. Abd. Aziz
14.	Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor	Y. Bhg. Dato' Mohd Rosli b. Ramli
15.	Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Pn. Siti Zaleha bt Ibrahim

BIL	PORTFOLIO / JABATAN	NAMA
16.	Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor	Tn. Ir. Azmi b. Ibrahim
17.	Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Selangor	Tn. Mohamad Idrus b. Abd. Hamid
18.	Pengarah PLAN Malaysia@Selangor	TPr. Hj. Muhammad Ridzuan B. Arshad (Setiausaha)

Perlaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk memandu dan memantau semua aktiviti pemajuan ke arah perancangan yang lebih teratur dan mampan. Jawatankuasa juga berperanan mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan penduduk. Dengan tertubuhnya Jawatankuasa ini akan memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan berkualiti, sejahtera dan mampan.

Pada Tahun 2017, PLANMalaysia@Selangor telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) sebanyak **5 kali** iaitu:

BIL MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	BILANGAN KERTAS
Mesyuarat JPNS Bil. 1/2017	7 Februari 2017	Kertas mengenai dasar: 0 Kertas rancangan pemajuan: 2 Kertas pengawalan perancangan: 1 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman: 1 Jumlah kertas : 3
Mesyuarat JPNS Bil. 2/2017	20 April 2017	Kertas mengenai dasar: 0 Kertas rancangan pemajuan: 0 Kertas pengawalan perancangan: 0 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman: 5 Jumlah kertas : 5
Mesyuarat JPNS Bil. 3/2017	5 Jun 2016	Kertas mengenai dasar: 2 Kertas rancangan pemajuan: 1 Kertas pengawalan perancangan: 0 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman: 1 Jumlah kertas : 4

BIL MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	BILANGAN KERTAS
Mesyuarat JPNS Bil. 4/2017	23 Oktober 2017	Kertas mengenai dasar: 0 Kertas rancangan pemajuan: 1 Kertas pengawalan perancangan: 0 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman: 5 Jumlah kertas : 6
Mesyuarat JPNS Bil. 5/2017	4 Disember 2017	Kertas mengenai dasar: 0 Kertas rancangan pemajuan: 0 Kertas pengawalan perancangan: 1 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman: 2 Jumlah kertas : 3
JUMLAH KESELURUHAN KERTAS DIBENTANG DALAM MESYUARAT JPNS DARI JANUARI 2017 HINGGA DISEMBER 2017		Kertas mengenai dasar: 2 Kertas rancangan pemajuan: 4 Kertas pengawalan perancangan: 2 Kertas mengenai Keputusan / Arahan / Makluman: 14 JUMLAH KERTAS : 21

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Kerajaan Negeri Selangor melalui Keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 5/2009 yang bersidang pada 30 Oktober 2009 telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JKT JPNS) yang bertujuan untuk memproses Permohonan Kebenaran Merancang Secara Rundingan Bagi Projek-Projek Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya. **Pada Tahun 2017**, PLANMalaysia@Selangor telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor) sebanyak **10 kali** iaitu:

MESYUARAT JKT - JPNS	TARIKH MESYUARAT	BILANGAN KERTAS PROJEK
JKT-JPNS BIL.1/2017	24 Januari 2017	Kertas projek JKR: 0 Kertas projek MRT: 5 Kertas projek LRT: 0 Kertas projek UPEN: 0 Jumlah kertas : 5
JKT-JPNS BIL.2/2017	6 Februari 2017	Kertas projek JKR: 3 Kertas projek MRT: 2 Kertas projek LRT: 0 Kertas projek UPEN: 0 Jumlah kertas : 5
JKT-JPNS BIL.3/2017	21 Mac 2017	Kertas projek JKR: 2 Kertas projek MRT: 0 Kertas projek LRT: 4 Kertas projek UPEN: 2 Jumlah kertas : 8
JKT-JPNS BIL.4/2017	27 April 2017	Kertas projek JKR: 6 Kertas projek MRT: 0 Kertas projek LRT: 0 Kertas projek UPEN: 0 Jumlah kertas : 6
JKT-JPNS BIL.5/2017	9 Mei 2017	Kertas projek JKR: 1 Kertas projek MRT: 0 Kertas projek LRT: 6 Kertas projek UPEN: 0 Jumlah kertas : 7
JKT-JPNS BIL.6/2017	15 Jun 2017	Kertas projek JKR: 0 Kertas projek MRT: 0 Kertas projek LRT: 6 Kertas projek UPEN: 0 Jumlah kertas : 6

MESYUARAT JKT - JPNS	TARIKH MESYUARAT	BILANGAN KERTAS PROJEK
JKT-JPNS BIL.7/2017	28 Julai 2017	Kertas projek JKR: 5 Kertas projek MRT: 0 Kertas projek LRT: 0 Kertas projek UPEN: 0 Jumlah kertas : 5
JKT-JPNS BIL.8/2017	24 Ogos 2017	Kertas projek JKR: 4 Kertas projek MRT: 0 Kertas projek LRT: 0 Kertas projek UPEN: 0 Jumlah kertas : 4
JKT-JPNS BIL.9/2017	29 September 2017	Kertas projek JKR: 2 Kertas projek MRT: 1 Kertas projek LRT: 4 Kertas projek UPEN: 0 Jumlah kertas : 7
JKT-JPNS BIL.10/2017	23 November 2017	Kertas projek JKR: 3 Kertas projek MRT: 1 Kertas projek LRT: 0 Kertas projek UPEN: 0 Jumlah kertas : 4
JUMLAH KERTAS		Kertas projek JKR: 3 Kertas projek MRT: 1 Kertas projek LRT: 0 Kertas projek UPEN: 0 Jumlah kertas : 4

***Retreat* Bahagian Perancangan Korporat**

Retreat Bahagian Perancangan Korporat telah diadakan pada **14 hingga 16 Februari 2017** bertempat di Holiday Villa Subang, Selangor. *Retreat* ini diadakan adalah untuk merancang dan merangka hala tuju bahagian yang melibatkan semua lapisan pegawai bagi setiap unit.



Sesi perbincangan sedang berlangsung

Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan

Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan telah diadakan pada 21 sehingga 23 Januari 2018 di **Hotel Aliya, Klang, Selangor**. Mesyuarat ini dianjurkan kepada tarikh tersebut atas faktor kekangan masa dan keadaan tidak mengizinkan untuk dilaksanakan pada tahun 2017. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membentangkan pencapaian sasaran kerja tahunan sediaada dan merangka perancangan kerja bagi tahun berikutnya. Mesyuarat ini melibatkan pegawai peringkat pengurusan dan urusetia.



Sesi perbincangan sedang berlangsung



Ahli mesyuarat bergambar bersama Tuan Pengarah

MS ISO 9001: 2015

Bagi tahun 2017, **tarikh sahlaku sijil MS ISO 9001:2008** jabatan adalah sehingga **16 September 2018** (nombor pendaftaran Sijil **MY-AR 4138**), maka proses **Audit Pemantauan oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd.** yang telah dijalankan pada **21 dan 22 Ogos 2017** masih mengekalkan pengauditan ke atas standard MS ISO 9001:2008.

Walau bagaimanapun, Sistem Pengurusan Kualiti PLANMalaysia@Selangor sedang melalui proses peralihan bagi Standard MS ISO 9001:2008 kepada Standard MS ISO 9001:2015.

Bagi memastikan proses peralihan sistem pengurusan kualiti jabatan mengikut dan memenuhi keperluan standard MS ISO 9001:2015, beberapa program / tindakan seperti berikut telah pun dilaksanakan: -

BIL	TINDAKAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Penyelarasan MS ISO 9001:2008 Jabatan telah memutuskan untuk mengekalkan prosedur-prosedur kualiti sediaada selaras dengan tarikh sahlaku sijil MS ISO 9001:2008 iaitu sehingga 16 September 2018. Walau bagaimanapun, sistem pengurusan kualiti jabatan perlu melaksanakan program-program peralihan kepada Standard MS ISO 9001:2015	13.2.2017
2.	Taklimat Kesedaran Dan Kefahaman MS ISO 9001 : 2015 oleh penceramah daripada SIRIM STS Sdn. Bhd. iaitu Pn. Saadiyah binti Enok	23.1.2017
3.	Pemahaman Pengurusan Risiko MS ISO 2015 oleh penceramah daripada SIRIM STS Sdn. Bhd. iaitu En. Ahmad Tirmizi bin Mohammad	22 – 23.3.2017
4.	Pemeriksaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti jabatan masih mengekalkan pemeriksaan ke atas Prosedur MS ISO 9001:2008.	18 – 19.7.2017
5.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) jabatan telah diadakan bagi melaporkan hasil penemuan daripada semakan Audit Dalaman dan Audit Susulan serta melaporkan kajian semula bagi enam (6) laporan berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti jabatan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016	2.8.2017
6.	Semakan Audit Persijilan Semula MS ISO 9001:2008 oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd.	21 - 22.8.2017

Bengkel Kajian Penilaian Keberhasilan Pelaksanaan Agenda 21 Tempatan di Negeri Selangor

Unit Pembangunan Mampan telah mengadakan Bengkel Kajian Penilaian Keberhasilan Pelaksanaan Agenda 21 Tempatan di Negeri Selangor bertempat di Acappella Suite Hotel, Shah Alam. Bengkel ini melibatkan penyertaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan diseluruh Negeri Selangor.



Tuan Pengarah
memberikan
ucapan kata alu-
aluan.



Sesi taklimat
sedang
berlangsung.

Hari Bertemu Pelanggan

JPBD Negeri Selangor telah menyertai Program Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil.2/2017. Tujuan Hari Bertemu Pelanggan ini diadakan adalah untuk memperkenalkan fungsi dan tugas jabatan kepada orang awam untuk mengenali jabatan dengan lebih dekat lagi.

Tarikh : 7 dan 8 oktober 2017
Tempat : Subang Parade, Subang Jaya



Kehadiran orang awam yang hadir ke *booth* pameran.



Antara pegawai yang bertugas pada hari pameran.



Gambar sekitar kawasan pameran

Program Sebaran Dasar Perancangan JPBD Selangor

Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan hebahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kakitangan PLANMalaysia@Selangor berkaitan dasar-dasar perancangan yang telah digubal dan digunapakai di peringkat negeri dan JPBD Semenanjung Malaysia.

Tarikh : 15 September 2018
Tempat : Bilik Persidangan, Tingkat 18
PLANMalaysia@Selangor



Sesi taklimat berkaitan sebaran dasar



Para peserta bergambar bersama pembentang

RANCANGAN PEMBANGUNAN

FUNGSI BAHAGIAN

- i. Mengkaji semula penyediaan / pengubahan Rancangan Struktur Negeri Selangor yang mematuhi Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) sekurang-kurangnya sekali dalam 5 tahun;
- ii. Menguruselia seranta untuk Penyertaan Awam di peringkat Laporan Pemeriksaan dan Bantahan Awam di peringkat Draf Rancangan Struktur Negeri bagi memenuhi kehendak Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi memberi peluang kepada orang awam untuk meneliti dan mengemukakan pandangan dan bantahan sekurang-kurangnya 2 kali sepanjang kajian dijalankan.
- iii. Mengkaji semula penyediaan Rancangan Tempatan bagi mematuhi kehendak Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), dasar-dasar Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, disamping menterjemah dasar-dasar dalam Rancangan Struktur Negeri sekurang-kurangnya sekali dalam 5 tahun;
- iv. Mengkaji semula Rancangan Kawasan Khas di Negeri Selangor yang mematuhi Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan memenuhi kehendak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan sekurang-kurangnya sekali dalam 5 tahun;

PENCAPAIAN BAHAGIAN

Retreat Bahagian Rancangan Pembangunan

Retreat Bahagian Rancangan Pembangunan telah diadakan pada **21 hingga 23 Februari 2017** bertempat di **Flamingo Hotel Ampang, Selangor**. *Retreat* ini diadakan adalah untuk merancang dan menyelaras sasaran kerja tahunan yang melibatkan semua lapisan pegawai bagi setiap unit.





Bergambar bersama Timbalan Pengarah

Pewartaan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035



Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035. telah diwartakan dalam warta Kerajaan Negeri Selangor pada 2 Februari 2017 dengan No Warta :301 Jilid 70, No 3

Kajian Keperluan Dan Kesesuaian Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Berkepadatan Tinggi (Bandar Padat Berdaya Huni)

